

27 FEB 1997

Pesawat

KRUL TERIMA SATU LAGI PESAWAT JULAI INI

LANGKAWI, 27 Feb (Bernama) -- Pesawat ringan jenis Merlin GT yang baru diterima oleh Kelab Rekreasi Udara Langkawi (KRUL) akan mengambil bahagian dalam Langkawi Fly-In Julai ini.

Timbalan Presiden KRUL, Mansor Ismail hari ini berkata, pesawat buatan Amerika Syarikat itu berharga RM150,000 dihadiahkan oleh Le Proton Sdn Bhd., penganjur Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA) kepada KRUL untuk digunakan bagi latihan pelatih juruterbang dan pertunjukan udara.

Pesawat dua tempat duduk itu mempunyai kelajuan 150km satu jam yang boleh terbang empat jam tanpa henti dan boleh mendarat di permukaan air.

KRUL sekarang memiliki empat pesawat yang tiga lagi jenis mikrolight iaitu GT 500, MXL Twin dan MXL single. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang juga penaung KRUL melancarkannya tahun lepas.

Mansor berkata KRUL akan menggunakan keempat-empat pesawat itu untuk mengadakan pertunjukan pada Langkawi Fly-in yang pertama kali diadakan di negara ini sebagai pembuka tirai kepada LIMA `97 Disember ini.

Langkawi Fly-in dijangka disertai pelbagai jenis pesawat ringan seluruh dunia dan akan berlangsung di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di sini.

KRUL mendapat kerjasama Jabatan Penerbangan Awam untuk mempercepatkan pemasangan pesawat itu supaya boleh digunakan semasa pertunjukan itu. Kerja pemasangan itu turut dibantu oleh MOFAZ Air.

Mansor berkata KRUL sedang menimbang supaya pesawat itu mengadakan perkhidmatan untuk menghubungkan Tasik Pedu dengan Langkawi kerana kesesuaiannya digunakan di permukaan air.

Katanya aktiviti rekreasi udara sedang mendapat tempat di pulau peranginan itu dan ianya sebagai sumber industri pelancongan.

KRUL turut mengadakan latihan kepada 30 anggota dengan menggunakan pesawat sedia ada. -- BERNAMA

ZI MAI